Publication: Berita Harian, Pg 3

Date: 27 May 2024

Headline: Shining in his career despite experiencing nerve damage affecting movement: From trainee to assistant manager at KPMG in four years

Daripada pelatih hingga berjaya jadi penolong pengurus di KPMG dalam masa empat tahun

NUR DHUHA ESOOF

Berdiri di dalam bas atau kereta api pada waktu sibuk

pagi atau petang adalah perkara lumrah. Ia sesuatu yang dijangkakan ramai pekerja pejabat terutama yang bertugas di kawasan pusat bandar (CBD) seperti Encik Daniel Nur Hakim Ismail.

Namun bagi pemuda berusia 28 tahun itu, berdiri da-lam kenderaan yang bergerak adalah sesuatu yang agak berbahaya, apatah lagi jika beliau tidak dapat berpegang pada tiang atau susur tangan.

Ini kerana Encik Daniel mengalami kondisi melibatkan saraf yang menjejas deria rasa pada kedua-dua kaki-

Keadaan itu juga menyebabkan beliau tidak dapat menggerakkan jari-jemari kakinya.

'Saya boleh berjalan cuma kaki saya tidak dapat rasa. Jika pemandu bas atau kereta api menekan brek dan saya tidak berpegang pada tiang atau susur tangan, saya mungkin akan terjatuh kerana kaki saya tidak dapat mengimbang dengan begitu baik," kata Encik Daniel. Disebabkan itu, penolong pengurus di KPMG, antara

empat firma perakaunan terbesar di dunia atau dikenali sebagai *Big Four*, itu lebih suka mengatur waktu perjalanannya di luar waktu sibuk.

Beliau juga lega tempat kerjanya mengamalkan aturan kerja fleksibel untuk semua pekerja yang membolehkannya bekerja dari rumah dua hari seminggu

Pada baki tiga hari beliau perlu ke tempat kerja, Encik Daniel akan datang lambat sedikit ke pejabat dan pulang ke rumah selepas waktu sibuk petang berakhir.

Ditemui di pejabat KPMG di Raffles Place, Encik Da-niel menceritakan yang beliau mula mengalami keadaan tersebut ketika berumur 13 tahun dan sedang menuntut di Sekolah Victoria.

Encik Daniel sihat dan tidak mengalami sebarang ge-jala, malah sedang menduduki ujian bagi mata pelajaran Fizik, apabila beliau berasa sakit yang amat sangat di bahagian bawah belakangnya.

"Dalam masa tiga jam, saya tidak dapat berjalan. Saya menggunakan kerusi roda selepas itu selama enam tahun iaitu sepanjang menuntut di sekolah menengah dan maktab rendah." kata bekas penuntut Institusi Raffles (RI) itu.

Beliau dikecualikan daripada menjalani Perkhidmat-an Negara (NS) dan terus ke Universiti Pengurusan Singapura (SMU) untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan.

Di universiti, Encik Daniel memutuskan mahu menjadi lebih berdikari dan bersiap sedia bagi dunia pekerjaan lalu bertekad untuk berhenti menggunakan kerusi roda.

"Doktor juga menasihatkan saya supaya lebih banyak berjalan kerana saya akan kehilangan kekuatan otot di kaki saya dalam jangka panjang jika saya selalu menggunakan kerusi roda.

"Ia agak sukar pada mulanya kerana saiz badan saya agak besar dahulu, tapi sekarang saya boleh berjalan sendiri di kawasan yang rata tanpa memerlukan peralatan bantuan pergerakan," ujar anak tunggal itu.

Selepas hampir dua dekad didiagnosis dengan kondisi yang tiada penawar itu, Encik Daniel berkata kedua-dua kakinya masih berasa kebas, dengan tapak kakinya ham-

pir tidak berasa apa-apa. "Jika saya terpijak sesuatu, saya tidak dapat rasa sam ada ia sesuatu yang tajam kerana apa yang saya boleh rasa hanya tekanan tumpul.

"Semasa di maktab rendah, saya pernah mengalami jangkitan tulang kerana saya mengalami luka di bahagian tapak kaki dan tidak berasa sakit," kongsi Encik Daniel yang tinggal di Hougang bersama ibunya, suri rumah, se-

telah bapanya meninggal dunia pada 2020. Sejak disahkan menghidap keadaan tersebut, Encik Daniel telah memanfaatkan beberapa skim di bawah SG Enable, agensi yang menyokong golongan kurang upaya di Singapura, seperti mendapatkan label letak kereta dan

kad konsesi untuk golongan kurang upaya. Beliau melanggani surat berita SG Enable dan daripa da situ mendapat tahu tentang program pementoran RI-SE selama 16 minggu yang memadankan pelajar kurang upaya di Institut Pengajian Tinggi (IHL) dengan karyawan perniagaan sebagai mentor.

Encik Daniel menyertai program itu ketika menuntut dalam semester akhir di SMU dan dipadankan kepada mentor yang bertugas di KPMG.

'Saya menemui penyelaras program itu dan saya memberitahunya tentang jangkaan dan aspirasi kerjaya

"Pada waktu itu, saya hampir tamat pengajian dalam bidang perakaunan, dan lazimnya lulusan perakaunan akan bekerja di $\emph{Big Four}.$

"Saya beritahu penyelaras itu bahawa saya mahu me neroka peluang dalam bidang perundingan risiko jika

"Beberapa minggu selepas itu, saya diberitahu saya dipadankan dengan seorang mentor yang melakukan perundingan risiko. Ia adalah satu padanan yang baik kerana melalui pengalaman itu, saya dapat mempelajari lebih mendalam tentang bidang tersebut," kata Encik Daniel.

Beliau ditawarkan jawatan sekutu sepenuh masa dengan KPMG dan menerimanya sebaik sahaja selesai pe-



Encik Daniel Nur Hakim Ismail bekerja dalam divisyen nasihat perniagaan di antara empat firma perakaunan terbesar di dunia KPMG. Apabila berdiri, Encik Daniel perlu badannya dengan bersandar atau berpegang pada sesuatu. – Foto BH oleh SHAFIQ APANDI

"Pengalaman saya dengan mentor saya adalah sesuatu ang membuka mata dan membuka pintu peluang bagi

Beliau tidak pernah melihat ketidakupayaan saya se-

bagai satu halangan," ujar Encik Daniel. Memberi contoh, Encik Daniel berkata mentornya itu telah memberinya peluang menyokong audit klien di Indonesia kerana beliau memahami bahasa Indonesia.

Pada Julai 2022, beliau berpindah ke divisyen penasi-hat urusan perniagaan atau *deal advisory* dan berada di sana sehingga kini.

'Tugas saya dalam divisyen ini ialah membantu klien

dalam membeli aset iaitu syarikat.
"Saya berada dalam kumpulan pencipta nilai, dan tugas kami adalah apabila klien mahu membeli atau menjual syarikat, kami akan melihat apakah nilai tambahan yang klien itu dapat raih daripada urus niaga tersebut,'

Ketika melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam jurusan teknologi maklumat dalam perniagaan di SMU pada 2021, Encik Daniel menerima Anugerah Pengajian SkillsFuture untuk golongan kurang upaya. Ini membantu dalam mengurangkan perbelanjaan yang berkaitan kursus itu. Beliau turut memanfaatkan, Temasek Trust CDC Life-

long Learning Enabling Fund, dana yang menyokong golongan kurang upaya apabila mengikuti kursus yang relevan untuk dirinya, seperti dalam bidang nasihat perniaga-

Ditanya mengenai sokongan yang diperlukan bagi ge longan kurang upaya di tempat kerja, Encik Daniel berka-ta sokongan fizikal adalah penting. Ini termasuk bangunan bebas halangan dan juga tek-

nologi penyesuaian atau adaptive technology, yang mana peralatan sedia ada mempunyai teknologi bantuan untuk individu kurang upaya mencapai tugas tertentu.

"Satu lagi perkara penting ialah bagi syarikat berfiki-ran terbuka dari segi menyediakan sokongan fizikal.

"Dua orang mungkin dikategorikan sebagai kurang upaya fizikal tetapi sokongan fizikal yang mereka perlukan mungkin berbeza.

Bagi diri saya misalnya, saya mengalami kondisi saraf dan boleh berjalan, tetapi orang lain yang mempunyai dengan pertubuhan. Ini adalah sesuatu yang penting, pada potensi dan kebolehannya."

PENTINGNYA SOKONGAN MAJIKAN BAGI GOLONGAN KURANG UPAYA



Syarikat atau tempat kerja mungkin rasa sokongan fizikal sudah memadai. Tetapi sokongan emosi mewujudkan

rasa kekitaan dengan pertubuhan. Ini adalah sesuatu yang penting, yang saya boleh katakan KPMG telah melakukannya dengan cukup baik dari segi menyediakan sokongan emosi dan mental. Kami mempunyai ketua yang cukup empati tentang keadaan kami dan memastikan bahawa walau apa pun, kami masih mampu untuk bersinar.

Encik Daniel Nur Hakim Ismail, penolong pengurus di KPMG antara empat firma perakaunan terbesar di dunia.

kondisi serupa mungkin memerlukan sokongan berbeza kerana dia tidak boleh berjalan, misalnya "Jadi saya rasa syarikat perlu lebih fleksibel dalam me-

nyediakan sokongan fizikal itu," jelas Encik Daniel. Menurut beliau, sokongan mental dan emosi juga sa-

ma penting, walaupun ia sering kali terlepas pandang. "Syarikat atau tempat kerja mungkin rasa sokongan

fizikal sudah memadai.

yang saya boleh katakan KPMG telah melakukannya dengan cukup baik dari segi menyediakan sokongan emosi

"Kami mempunyai ketua yang cukup empati tentang keadaan kami dan memastikan bahawa walau apa pun,

kami masih mampu untuk bersinar," tambahnya. Sementara KPMG dalam Facebook SG Enable berkata: Walaupun kami sedar tentang ketakupayaannya (En-"Tetapi sokongan emosi mewujudkan rasa kekitaan cik Daniel), kami memilih untuk memberi tumpuan ke-